7 Mengapakah golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British? BUKU TEKS 128

A Berhasrat memperkenalkan birokrasi Barat
B Berbincang secara tertutup dengan UMNO
C Menetapkan sempadan antara wilayah
D Membawa masuk buruh dari luar

8 Pertubuhan Melayu berikut dianggap sebagai golongan nasionalis Melayu radikal. BUKU TEKS 128

- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Barisan Tani Malaya (BATAS)
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)

Apakah tindakan mereka bagi menentang kerajaan British?

A Membentuk Pusat Tenaga Rakyat
B Melancarkan penentangan bersenjata
C Mengemukakan Perjanjian Persekutuan
D Mengadakan demonstrasi besar-besaran

Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

9 Mengapakah pentadbir British menyokong konsep Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS 132

A Memberi latihan kepimpinan
B Menjimatkan kos pentadbiran
C Memajukan sistem pendidikan
D Mewujudkan keamanan negara

10 Senarai berikut merujuk kepada pegawai tinggi British yang pernah berkhidmat di negara kita. BUKU TEKS 133

- Sir Edward Gent
- Sir Roland Braddell
- Sir Malcolm MacDonalds

Apakah persamaan antara mereka?

A Menggubal perlembagaan merdeka
B Menyokong Persekutuan Tanah Melayu
C Melancarkan usaha menghapuskan komunis
D Menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan

11 Bagaimanakah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat menarik kemasukan pelabur luar untuk melabur ke negara kita? BUKU TEKS 133

A Mengecualikan cukai import
B Menjalankan dasar buka pintu
C Mewujudkan politik yang stabil
D Membawa masuk golongan imigran

12 Cadangan berikut dikemukakan kepada British ketika penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. BUKU TEKS 133

- Melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran
- Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan

Siapakah yang memberikan cadangan tersebut?

A Sir Ralph Hone
B L.D. Gammans
C Dato' Onn Jaafar
D Tunku Abdul Rahman

13 Piagam berikut telah diisytiharkan pada bulan Ogos 1941. BUKU TEKS 133

Piagam Atlantik

Apakah hasrat yang ingin dicapai melalui piagam tersebut?

A Tanah jajahan diperluaskan
B Tiada lagi perluasan wilayah
C Peningkatan kegiatan ekonomi
D Perpaduan di kalangan penduduk

14 Dasar berikut disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Piagam Atlantik. BUKU TEKS 133

Dasar Dekolonisasi

Apakah yang dimaksudkan dengan dasar tersebut?

A Perasaan cintakan tanah air
B Perluasan kuasa dan wilayah
C Pembinaan negara dan bangsa
D Proses ke arah berkerajaan sendiri

15 Negara manakah yang terlibat dalam merangka Piagam Atlantik? BUKU TEKS 133

I Britain
II Jerman
III Perancis
IV Amerika Syarikat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS